

UPM-1/7/2006

Kemelut Dr. M ibarat ribut dalam cawan

IPOH 30 Jun - Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali menyifatkan kemelut politik serta polemik antara Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr Mahathir Mohamad umpama 'ribut dalam cawan' yang boleh diselesaikan dengan cara bijaksana.

Katanya, secara peribadi beliau beranggapan kemelut serta polemik yang berlaku antara kedua-dua pemimpin tertinggi itu adalah masalah yang boleh diselesaikan jika tidak wujud anasir luar.

"Kita perlulah sama-sama berusaha mengengkangnya dengan cara dan acuan kita sendiri yang kaya dengan ketertiban dan tatasusila yang kita amalkan selama ini.

"Seperti carik-carik bulu ayam lama-lama akan bercantum kembali demi kebaikan bangsa Melayu," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung keempat Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) Cawangan Perak, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu, Naib Presiden Mubarak, Tan Sri Zaleha Ismail mewakili Presidennya, Tan Sri Abdul Razak Alias.

Tajol Rosli berkata, secara peribadi dan bagi pihak UMNO Perak, beliau sudah menjelaskan pendiriannya sebelum ini untuk menyokong siapa juga pemimpin yang mendapat mandat daripada rakyat.

"Sokongan padu dan kesetiaan yang saya ikrarkan sebelum ini akan terus saya berikan kepada Perdana Menteri.

"Namun, ini tidak bermakna saya membenci dan melupakan jasa Dr. Mahathir tetapi ia lebih kepada hasrat dan tindakan untuk tidak merobek cita-cita kita bersama mencapai taraf negara maju menjelang 2020," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap ahli Mubarak yang terbabit secara langsung sebagai pemimpin rakyat dapat membantu menenangkan suasana dan mengelakkan kemelut itu



TAJOL ROSLI

daripada menjadi lebih keruh.

Mengenai kenyataan keras Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz terhadap Dr. Mahathir, Tajol berkata: "Itu adalah cara Nazri."

Terdahulu, Zaleha semasa berucap berkata, Mubarak dalam mesyuaratnya Rabu lalu membuat keputusan untuk memberi sokongan tidak berbelah-bahagi kepada kerajaan pimpinan Abdullah.

Katanya, Mubarak membuat keputusan itu kerana tidak mahu melihat keadaan negara serta politik menjadi tidak stabil dan diburukkan lagi dengan pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan.

Beliau berkata, Mubarak berhasrat bertemu dengan Perdana Menteri dalam masa terdekat untuk memberi pandangan mengenai kemelut yang berlaku serta bagi mendapat restu daripada Abdullah untuk bertemu dengan Dr. Mahathir.

Beliau mengakui turut menghadiri majlis dialog anjuran gabungan badan bukan kerajaan (NGO) yang dihadiri oleh Dr. Mahathir baru-baru ini di Taman Melawati untuk mendengar sendiri rasa tidak puas hati yang mahu diluahkan bekas Perdana Menteri.

"Bagaimanapun, saya agak terkejut dan tidak menyangka majlis dialog itu turut dihadiri oleh beberapa pemimpin parti pembangkang," katanya.